

12 MAR 2003

JAMALUDIN-KANADA/I

JAMALUDIN GESA AHLI PERNIAGAAN KANADA MELABUR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, hari ini menggesa ahli perniagaan Kanada supaya melabur di Malaysia yang menawarkan sumber tenaga manusia yang canggih bagi perniagaan mereka.

"Kami mempunyai hubungan rapat dengan Barat; kami menyanjung bakat dan sumber yang anda ada. Kami mahu anda melabur di sini. Kami mahu menawarkan sumber tenaga manusia yang canggih bagi perniagaan anda. Jika anda tidak hadir di sini secara fizikal, berikan kontrak kerja berlandaskan pengetahuan itu kepada kami memandangkan sekarang pelaburan sokongan semakin meningkat," katanya.

Dr Jamaludin berkata demikian pada majlis Ceramah dan Jamuan Makan Malam Majlis Perniagaan Malaysia Kanada.

Beliau juga berkata bahawa Malaysia adalah tempat yang sesuai bagi ahli perniagaan Kanada menempatkan wang mereka kerana kerajaan memperkenalkan pakej dasar lengkap bertujuan merangsang kegiatan ekonomi.

Penekanan pakej ini adalah mewujudkan perubahan-perubahan struktur dan institusi bagi mengubahsuai kedudukan ekonomi memandangkan ketidak pastian yang semakin meningkat dalam persekitaran di luar negara, katanya.

Jamaludin berkata, kerajaan telah menubuhkan sembilan jawatankuasa untuk mengenal pasti sumber pertumbuhan baru, meningkatkan sistem serahan negara ini, memperkukuhkan pasaran modal, meningkatkan kecekapan dan pungutan hasil serta menggalakkan pelaburan domestik.

Tugas-tugas yang dijalankan oleh jawatankuasa-jawatankuasa ini akan berkesudahan dengan penghasilan suatu pakej langkah-langkah yang akan diumumkan pada bulan April tahun ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Dr Jamaludin juga berkata, Malaysia telah mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.2 peratus tahun lalu walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang lembap.

"Pertumbuhan negara ini bukan didorong oleh penggunaan sumber dan modal, tetapi oleh kecekapan yang meningkat, oleh asas ekonomi yang kukuh, oleh kos yang rendah bagi menjalankan perniagaan, oleh dasar-dasar pro-perniagaan dan oleh kestabilan politik," tegasnya.

-- BERNAMA

FAY FR KY NHD